

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 05 MAC 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 9

**Wakaf Mara Madani lahirkan usahawan berdaya saing**

# Wakaf Mara Madani lahirkan usahawan berdaya saing

Oleh CATHERINE IRENE MILTON  
[catherine.irene@mediamulia.com.my](mailto:catherine.irene@mediamulia.com.my)

**PETALING JAYA:** Peruntukan RM1 bilion bagi Tabung Wakaf Mara Madani dilihat mampu menjadikan syarikat atau usahawan kecil bumiputera yang baru ditubuhkan lebih berdaya saing seterusnya meluaskan perniagaan mereka.

Pensyarah Kanan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), Profesor Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, kerjasama dengan sektor korporat besar diperlukan untuk memperkasaan usahawan kecil.

Menurutnya, kerjasama berkenaan dapat mendorong syarikat bumiputera yang baru ditubuhkan didedahkan kepada pengenalan dalam penggunaan pendigitalan dan inovasi tinggi.

"Maka dengan ada manfaat

daripada peruntukan tersebut, tidak akan menjadi kekangan bagi mereka (syarikat bumiputera baharu) untuk lebih berdaya saing walaupun masih merupakan syarikat kecil.

"Peranan kerjasama korporat sebagai mentor bagi usahawan baharu ini memberi impak yang sangat penting kerana mereka dilihat amat memerlukan latihan dan bimbingan, namun dalam masa sama juga bimbang dengan kos tinggi jika mereka memerlukan mentor," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Akhbar ini kelmarin melaporkan, kerajaan bakal mewujudkan tabung tersebut dengan sasaran dana berjumlah RM1 bilion dalam tempoh dua tahun yang akan diterajui Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Menurut laporan itu, Tabung Wakaf Mara Madani bakal dilak-

sanakan oleh Yayasan Pelajaran Mara dan dijangka dapat memberi manfaat kepada 70.1 peratus bumiputera.

Sehubungan itu, Abu Sofian berkata, peruntukan tersebut juga boleh digunakan bagi pembiayaan untuk bagi perniagaan bumiputera yang masih baru atau bakal usahawan.

"Ini bertujuan membolehkan perniagaan bumiputera dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan tempoh yang singkat."

"Kaedah pembiayaan perniagaan tersebut juga boleh digunakan melalui pinjaman daripada dana RM1 bilion tersebut, iaitu dalam masa yang sama pulangan balik dapat dikembalikan semula kepada peruntukan berkenaan bagi kegunaan usahawan baharu lain," katanya.